

Warta100

KONVO100

Edisi 17 November 2024

KERJASAMA UiTM MEMBANGUNKAN PAKAR MUDA PERMOTORAN ANTARABANGSA



oleh: Noor Elliana Shahiza Md Ilias

Universiti Teknologi MARA (UiTM) melangkah ke hadapan dalam memperkukuh peranannya dengan memberikan khidmat secara teknikal kepada komuniti sekolah melalui kolaborasi bersama Tiqar Enterprise, pemegang legend penganjuran *F1 in Schools Malaysia*.

Melalui kerjasama ini, Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) memainkan peranan penting dalam membawa pelajar yang berjaya mara ke peringkat akhir pertandingan *F1 In Schools Malaysia* di peringkat antarabangsa.

Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian Kejuruteraan, Prof. Ir. Ts. Dr. Hamidah Mohd Saman menegaskan kolaborasi ini bukan sekadar projek akademik tetapi sebahagian daripada tanggungjawab universiti kepada komuniti.

"Kepakaran yang kami ada digunakan untuk membantu pelajar sekolah yang berbakat agar mereka bersedia bersaing di peringkat antarabangsa. Ini adalah sumbangan kami kepada komuniti.

"Kami juga merancang untuk melibatkan lebih banyak sekolah dalam inisiatif ini bagi meningkatkan ketampakan dan mencipta nama dalam bidang permotoran," kata Prof Hamidah ketika ditemu bual.

Tambahannya lagi, ramai yang telah terlibat dengan kerjasama ini dan dianggarkan sebanyak lima hingga enam sekolah telah mendapat manfaat daripada program ini.

Pelajar juga bukan hanya menerima panduan teknikal semata-mata, tetapi juga pengalaman kerja secara langsung bersama tenaga pengajar KPK UiTM yang berpengalaman.



Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian Kejuruteraan,
Prof. Ir. Ts. Dr. Hamidah Mohd Saman

DRON, BAJU SEBAGAI PELEPAS RINDU BUAT IBU ARWAH GRADUAN UITM



oleh: Annisa' Azlan

Sejuta yang datang, tidak dapat menggantikan seorang yang pergi buat selamanya, itulah perasaan yang dirasakan oleh ibu dan abang kepada arwah graduan UiTM semasa di temubual dalam Istiadat Konvokesyen UiTM yang ke-100 di Dewan Agung Tuanku Canselor.

Ibu kepada Allahyarham Muhammad Afendi Muhamed Den, Noor Azizah Ab Rahman, 57 tahun bersama abang kepada Allahyarham, Muhamad Nurhildi Mohamed Den, 27 tahun menaiki pentas untuk menerima skrol Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal yang dihadiahkan Allahyarham kepada keluarganya.

"Arwah tak banyak krenah pun dan dia seorang yang manja. Apa-apa yang makkik suruh, terus dia buat tanpa banyak tanya, dia memang anak yang sangat baik. Anak makkik bukan setakat anak yang baik, dia juga bijak," kata Azizah.

Seperti yang diperkatakan oleh Azizah dan Hilmi, Allahyarham merupakan seorang yang sangat cemerlang dalam akademik sejak di bangku sekolah dan sentiasa menjadi harapan dan kebanggaan keluarganya.

Tambah Hilmi, walaupun Allahyarham seorang yang agak pendiam dan menyendiri, tapi tidak kepada keluarganya sendiri. Malah, Allahyarham Afendi menjadikan abangnya sebagai inspirasi utama untuk menyambung pelajaran dalam bidang kejuruteraan mekanikal walaupun cita-cita sebenarnya adalah ingin menjadi seorang juruterbang.

Lebih hebat, Allahyarham sepatutnya menyarung

'selempang pink' iaitu Anugerah Naib Canselor dalam sidang ketujuh, tetapi sebaknya terasa apabila kejayaan itu terpaksa diterima oleh ahli keluarganya.

"Makkik selalu ingatkan kepada arwah anak supaya jangan tinggal solat, belajarlah bersungguh-sungguh supaya tercapai cita-cita yang dia impikan.

"Kalau tengok pencapaian yang dia hadiahkan kat keluarga masa hari konvo ni, jelaslah dia sememangnya anak yang sangat baik sebab dia pegang kata-kata nasihat yang makkik selalu ucap," kata Azizah.

Rasa hiba lebih terasa apabila mendengar luahan ibu dan abang Allahyarham Afendi tentang suasana hari raya mereka yang tidak ceria seperti selalu, selepas kehilangan permata keluarga yang amat disayangi pada hari pertama bulan Ramadhan kerana kemalangan jalan raya.

Seperti yang dirasakan oleh Azizah dan Hilmi, rindu yang tiada akhirnya cukup dilepaskan dengan hanya melihat barangan yang biasa digunakan oleh Allahyarham Afendi semasa di dunia.

"Hari arwah anak kemalangan, makkik tak sempat nak cakap apa-apa dengan dia sebab dia hembus nafas terakhir dalam perjalanan ke hospital. Sekarang, kalau keluarga nak lepas rindu pun, hanya mampu tengok dron kesayangan dan baju dia je. Cuma tu je cara yang ada nak lepaskan rindu makkik ni," luah Azizah sambil mengesat air mata.

Muhamad Nurhildi Mohamed Den (abang) ketika mewakili Allahyarham Nur Afendi Mohamed Den menerima skrol di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM



FSG UiTM PACU PERTANIAN PINTAR MELALUI AGROFARM2U



oleh : Nurul Maziah Asyiqin Othman

*Dekan Fakulti Sains Gunaan,
Professor Ts. Dr. Mohd Rozi Ahmad*

Fakulti Sains Gunaan (FSG) UiTM melancarkan projek Agrofarm2U, inisiatif yang menggabungkan teknologi pertanian pintar dengan pendidikan komuniti. Projek ini bertujuan meningkatkan produktiviti pertanian bandar melalui penggunaan teknologi Internet of Things (IoT) dan amalan pertanian moden.

Dekan FSG, Professor Ts. Dr. Mohd Rozi Ahmad, dalam temu bual semasa Majlis Konvokesyen UiTM ke 100, menjelaskan bahawa Agrofarm2U adalah contoh komitmen fakulti dalam menerapkan sains gunaun untuk manfaat masyarakat.

"Kami ingin menunjukkan teknologi yang sedia ada untuk membantu komuniti meningkatkan hasil pertanian mereka," katanya.

Projek ini dijalankan secara berfasa, bermula dengan sesi perkongsian tentang semaian, pemasangan rumah hijau, dan sistem pertanian pintar.

"Pendekatan berstruktur ini memastikan peserta memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk mengendalikan teknologi pertanian moden," tambahnya.

Salah satu elemen utama Agrofarm2U adalah penggunaan IoT dalam pertanian, yang membantu petani memantau kelembapan tanah dan suhu secara masa yang betul. Ini membolehkan keputusan yang lebih tepat dan mengurangkan pembaziran sumber, sesuai dengan matlamat FSG untuk menggalakkan pertanian mampan.

Projek ini turut melibatkan kerjasama dengan Maahad Integrasi Tahfiz An Najihin, memberi peluang kepada pelajar tahfiz untuk mempelajari teknologi pertanian pintar. "Kami menggabungkan ilmu agama dengan kemahiran teknikal untuk menyediakan generasi yang lebih berdaya saing," kata Prof. Dr. Mohd Rozi.

Impak Agrofarm2U terhadap masyarakat sangat besar. Dengan bimbingan FSG, komuniti kini lebih berdaya saing, mampu menghasilkan produk berkualiti tinggi, dan meningkatkan pendapatan mereka. Projek ini juga mengurangkan kebergantungan kepada kaedah pertanian tradisional yang kurang efisien.

Dekan FSG juga percaya bahawa kejayaan projek ini dapat dijadikan model bagi universiti lain. "Kami ingin memastikan inovasi kami memberi manfaat langsung kepada masyarakat dan meningkatkan kesejahteraan mereka," ujarnya.

Dengan inisiatif seperti Agrofarm2U, FSG UiTM terus menunjukkan peranan pentingnya dalam memajukan sains gunaun, selaras dengan visi universiti untuk menjadi peneraju penyelidikan dan inovasi.

DARI RUMAH SETINGGAN KE MENARA GADING



oleh: Nurdzalifah Hanim Moradzman

Tidak pernah terlintas dalam fikiran Zulkifli Suliman, 42, untuk menjejakkan kaki ke menara gading, apatah lagi meraih Anugerah Sarjana Cemerlang dan membina kerjaya sebagai seorang Jurutera di Jabatan Kerja Raya (JKR). Beliau membesar di Kampung Bukit Baru, sebuah kawasan setinggan di Kuala Lumpur yang kini telah berkembang menjadi Pangsapuri Bukit Baru.

Dilahirkan sebagai anak ke-7 daripada 10 adik-beradik, beliau dibesarkan dalam keluarga sederhana. Ayahnya bekerja sebagai pekerja am di Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur manakala ibu beliau seorang suri rumah. Kehidupan di rumah setinggan penuh cabaran, namun mereka tetap bersyukur dengan rezeki seadanya. "Ayah saya kerja mandur sahaja, dan mak saya pula suri rumah. Kehidupan kami biasa-biasa, dan ketika itu saya langsung tak terfikir untuk sambung belajar selepas SPM," katanya ketika ditemu ramah.

Bagi beliau, melanjutkan pelajaran ke universiti bukanlah sesuatu yang pernah difikirkan, apatah lagi dikejar. Dalam lingkaran sosialnya, tidak ramai yang bercita-cita untuk sambung belajar, apatah lagi memahami kepentingannya.

"Kami tak pernah ada cita-cita pun

bila orang tanya pasal universiti? Apa itu universiti? Tak pernah terfikir pun," ujarnya.

Beliau memulakan kerjaya awalnya sebagai kerani kontrak di HSBC, Pasar Seni selama enam bulan. Pengalaman ini membawanya memperoleh pendapatan sebanyak RM1,500, yang menjadi titik tolak untuk beliau mula mempertimbangkan perubahan nasib.

"Bila saya bekerja, baru saya nampak, nak dapatkan gaji RM1,500 pun perlu kerja keras selama enam bulan. Masa itu, saya mula sedar kalau saya nak ubah nasib, saya perlu cuba sesuatu yang lain," katanya.

Dorongan terbesar untuk beliau berubah datang daripada ibunya, yang pernah berkata, "Dengan belajar, kita boleh senang." Kata-kata itu meninggalkan kesan mendalam.

Tambahan pula, seorang pakciknya yang sangat rapat dengannya menggalakkan beliau untuk mencuba menyambung pelajaran.

"Saya bertanya kepada pakcik saya, bolehkah saya sambung belajar? Dia jawab, kenapa tak boleh? Soalan itu menjadi titik mula saya untuk teruskan niat menyambung pelajaran," kata Zulkifli.

Dengan niat yang kuat, beliau memulakan pengajian di Jurusan Pra-Sains di Universiti Teknologi MARA

(UiTM), Kampus Jalan Melang. Dari situ, beliau meneruskan pelajarannya hingga ke peringkat sarjana.

"Pada awalnya, saya tidak pasti sama ada saya mampu. Tetapi saya cuba dan akhirnya sedar bahawa saya boleh," katanya penuh yakin.

Beliau terus melangkah dari satu peringkat ke satu peringkat, sehingga berjaya menamatkan pengajian sarjana (Master) di UiTM. Baginya, usaha gigih dan sokongan daripada orang sekeliling menjadi kunci kejayaan.

Beliau mengakui bahawa dorongan daripada keluarga, rakan-rakan, dan orang sekeliling menjadi faktor penting dalam kejayaannya.

"Orang-orang positif di sekeliling saya adalah inspirasi utama. Sampai hari ini, saya masih ingat sokongan mereka," katanya.

Beliau kini adalah seorang jurutera yang berjaya, tetapi lebih daripada itu, beliau menjadi bukti hidup bahawa kesungguhan dan keyakinan mampu mengubah takdir.

"Kita tidak boleh mengubah darjat semasa kelahiran kita. Namun dengan pelajaran kita boleh mengubah darjat semasa kematian kita," kata Zulkifli, mengakhiri perkongsian kisah hidupnya yang penuh inspirasi.

Renowned
Locally Rooted

UiTM
di Melaka

لها انقوى. موليا

ANSELMOR,



BELAJAR DI RUMAH BUKAN PENGHALANG KEJAYAAN GRADUAN



oleh : Noor Elliana Shahiza Md Ilias

Graduan Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Kejuruteraan Elektronik, Aida Jasmin Binti Ghazali, mencatat sejarah peribadinya apabila menerima Anugerah Naib Canselor (ANC) pada Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) kali ke-100 hari ini.

“Saya minat fizik dari kecil, jadi saya memang nak ambil bidang kejuruteraan ini. Tetapi saya tak pasti nak pilih yang mana sebab kejuruteraan ada banyak cabang, saya buat kajian dan akhirnya pilih kejuruteraan elektronik sebab ia lebih relevan dengan pekerjaan nanti,” kata Aida.

Aida berjaya menamatkan pengajiannya meskipun menghadapi pelbagai cabaran termasuklah ketika pandemik berlaku.

Aida berkongsi bahawa rahsia kejayaannya adalah dengan memastikan dirinya sentiasa fokus

sepenuhnya semasa dalam kelas. Dia akan menyalin nota dan mencatat segala ilmu yang dicurahkan serta membuat latihan tutorial tanpa tinggal.

Sokongan yang tidak terhitung daripada keluarganya, lebih-lebih lagi abangnya yang juga seorang graduan kejuruteraan, merupakan salah satu faktor utama yang mendorong Aida. Dengan bantuan dan bimbingan oleh abangnya, sedikit sebanyak dapat membantu Aida mengatasi pelbagai cabaran dan mencapai kecemerlangan yang membanggakan ini.

Sebagai penerima ANC, Aida sentiasa berusaha untuk memperbaiki dirinya dan kini dia telah melangkah ke alam pekerjaan sebagai Data Source System Engineer di Maybank, perjalanan yang lebih banyak cabaran dan peluang.

Aida berharap agar dia dapat menyambung ke peringkat sarjana kelak di masa hadapan.

